



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBACA METER TINGKAT I (D.1-2 EB.3)  
JABATAN PERKHIDMATAN ELETRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBACA METER TINGKAT I  
JABATAN PERKHIDMATAN ELETRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 EB KHAS \$1,170 - \$1,350 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit Mata Pelajaran Sijil Am Pembelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membaca meter;
2. Menolong mengawasi Pembaca-Pembaca Meter masing-masing serta mengetahui keseluruhan kawasan yang telah ditugaskan;
3. Memeriksa tiap-tiap rumah baru yang dibekalkan tenaga api elektrik bagi menyesuaikan kedudukan zon;
4. Memberikan dan memotong bekalan api elektrik kepada rumah-rumah persendirian, rumah-rumah sewa dan pangsa Kerajaan; dan
5. Mengawasi penghantaran surat tuntutan bagi pengguna yang belum menjelaskan baki hutang kebelakangan.